

03 NOV 1998

Mahathir-Dialog

DIALOG MEMBINA BOLEH ATASI MASALAH KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau percaya kepada dialog secara baik, bersopan, tertib dan yang mengandungi perbincangan yang bernas sebagai cara mengatasi masalah kewangan semasa.

"Jika semua pihak menggemblengkan buah fikiran, jika kita mempunyai keazaman untuk mengatasi masalah itu, saya yakin kita dapat melakukannya dan dunia akan menjadi tempat yang lebih baik, daripada idea menjadikan orang lain papa," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada dialog mengenai pengurusan krisis kewangan Asia di sini sebagai menjawab kenyataan seorang peserta tentang kesukaran untuk mengadakan dialog yang baik, sedang pada masa yang sama mempertahankan pendapat sendiri.

Dr Mahathir berkata beliau percaya kepada situasi menang-menang dan polisi memperkayakan jiran.

"Dialog seharusnya merupakan perkara dua hala dan seseorang tidak seharusnya menyuruh orang lain melakukan sesuatu mengikut kehendaknya seperti yang dilakukan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa yang memberitahu orang lain bahawa mereka tidak baik, rasuah dan mengamalkan kronisme.

"Ini bukanlah kerana saya diberikan peluang yang luas oleh sesetengah pihak, jika kita berasa kita harus berterus terang, saya berterus terang, tetapi apakah hasilnya?" tanya beliau.

Katanya, apa yang diperolehinya ialah pihak lain menurunkan penilaian terhadapnya.

"Saya terpaksa berdepan dengan dunia yang sungguh menyukarkan dan tidak adil," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau percaya kepada bersikap baik terhadap orang.

"Jika orang bersikap baik terhadap saya, saya dapati sukar, malah mengaibkan untuk menyatakan kebenaran, sebaliknya saya menjadi amat bersopan-santun," katanya.

-- BERNAMA

ARA NMO